

PM: Hudud tanpa adil kepada semua tak boleh dilaksanakan

PAPAR (Sabah) 1 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hukum hudud di Kelantan tidak boleh dilaksanakan kalau ia tidak adil kepada semua orang.

Kata Perdana Menteri, hukum hudud mesti dikenakan kepada semua orang kalau ia benar-benar mahu dilaksanakan oleh Pas.

"Kalau hudud tidak dikenakan kepada orang bukan Islam, maka yang boleh dilihat, orang Islam sahaja yang tidak ada kaki atau ta-

ngan kerana telah dipotong ataupun kita akan melihat orang Islam sahaja yang direjam dengan batu.

"Apakah orang Islam sanggup melihat keadaan ini berlaku sedangkan orang bukan Islam boleh bebas," tanya Perdana Menteri sewaktu berucap di hadapan lebih 3,000 orang umat Islam selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Jamek Pekan Papar di sini tengah hari ini.

"Bagaimana kita boleh maju kalau orang Islam sudah tidak

ada tangan dan kaki. Bagaimana mereka mahu bersaing dengan bangsa-bangsa lain kalau sifatnya sudah tidak cukup," soal beliau.

Sehubungan ini beliau berkata, hukum hudud tidak sesuai dilaksanakan di negara ini yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.

Ini kerana kalau hudud dilaksanakan di kalangan orang bukan Islam, ia pasti akan menjejaskan hubungan kaum yang selama ini hidup aman dan damai.

Tambah pula, kata Mahathir, kalau hukum hudud itu dilaksanakan kerana bermotifkan politik.

"Apabila ada motif politik, adakah hakim yang akan dilantik oleh Pas nanti bebas daripada pengaruh politik?"

"Kalau hukum hudud ini sudah bermotif politik, bagaimana hakim boleh berlaku adil, kerana mereka sendiri dipengaruhi oleh orang politik?"

"Maka yang terjadi hukum-
LIHAT MUKA 2

PM: HUDUD TANPA ADIL KEPADA SEMUA TAK BOLEH DILAKSANAKAN

annya kelak akan berbau politik dan saya percaya hukuman yang mereka buat itu tentu tidak begitu adil," ujarnya.

Mahathir seterusnya menambah, Kerajaan Pas dan Menteri Besar, Nik Aziz patutlah belajar dan mengkaji betul-betul apakah dengan adanya hukum hudud ini barulah kita benar-benar Islam dan adakah 90 peratus orang Islam di setengah negara Islam itu tidak Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud.

Dalam Islam katanya, banyak kelonggaran telah diberikan, contohnya dalam

menunaikan ibadat sembahyang dan puasa. Dalam kelonggaran ini kita boleh kumpul dua sembahyang waktu kepada satu waktu (jamak dan qasar) kerana keadaan tertentu.

"Kalau kita lemah, kelonggaran juga diberikan kepada kita untuk duduk dan jika di dalam penerbangan dibenarkan sembahyang tanpa mengadap kiblat, cuma duduk atas bangku tanpa rukuk dan sujud."

Untuk melaksanakan hukum hudud juga harus ada kelonggaran kalau negara itu

mempunyai rakyat yang berbilang kaum, ujarnya.

Mengenai hukum hudud yang digembar-gemburkan oleh Kerajaan Pas itu, Mahathir berkata, adalah malang sekali kerana kenyataan-kenyataan mereka itu telah menjejaskan dan mencemarkan imej Islam dan orang Islam di negara ini di dalam dan luar negeri.

"Pemimpin-pemimpin Kerajaan Pas harus berhati-hati supaya tidak terbawa-bawa untuk melaksanakan hukum hudud ini kerana ia mungkin akan membinasakan kita dan agama," kata Mahathir.